



## PERINTAH KAWALAN AKTIVITI SAMBUTAN RAMADAN 1441 HIJRAH BAGI MEMBENDUNG PENULARAN COVID-19 NEGERI SEMBILAN

---

Selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri Sembilan bagi melindungi aspek keselamatan dan kesihatan rakyat di negeri ini agar wabak COVID-19 tidak membentuk kluster baru, kawalan aktiviti semasa sepanjang bulan Ramadan 1441 Hijrah adalah seperti berikut;

### 1. Kawalan Aktiviti Semasa Bulan Ramadan

- 1.1 Tiada Bazar Ramadan dibuka sepanjang bulan Ramadan.
- 1.2 Tidak dibenarkan menganjurkan majlis berbuka puasa atau bersahur.  
Hanya dibenarkan untuk berbuka puasa dan bersahur bersama-sama isi rumah di rumah atau tempat tinggal masing-masing.
- 1.3 Tidak dibenarkan menyediakan buffet berbuka puasa atau bersahur di hotel, restoran dan premis lain.
- 1.4 Tidak dibenarkan untuk berbuka puasa atau bersahur di premis perniagaan makanan, restoran atau gerai.
- 1.5 Premis makan seperti restoran dan gerai hanya boleh beroperasi secara bungkus (*take-away*) dan/atau penghantaran (*delivery*).
- 1.6 Restoran makanan segera seperti KFC, McDonalds dan seumpamanya hanya boleh beroperasi secara bungkus (*take-away*), penghantaran (*delivery*) atau pandu lalu (*drive-thru*).
- 1.7 Sebarang sumbangan atau bantuan kepada agensi *frontliner* seperti PDRM, ATM dan lain-lain hanya dibenarkan daripada penyumbang kepada wakil agensi penerima dan diambil oleh wakil agensi di tempat penyumbang

(tidak dibenarkan sumbangan terus kepada anggota-anggota *frontliner* yang sedang melaksanakan tugas).

- 1.8 Tidak dibenarkan mengadakan aktiviti gotong-royong penyediaan bubur lambuk atau juadah berbuka puasa yang lain kecuali disediakan oleh katerer dan diedarkan terus kepada penerima dengan mematuhi panduan keselamatan dan kesihatan tanpa melibatkan orang ramai berkumpul atau pandu-lalu.
- 1.9 Sebarang aktiviti “mantai” puasa hanya dibenarkan secara *pre-order* sahaja.
- 1.10 Pemberian sumbangan dan bantuan kepada *Person Under Investigation* (PUI), *Person Under Surveillance* (PUS) dan asnaf akan diselaraskan oleh Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan.

## **2. Tatacara Pelaksanaan E-Bazar (Jual Beli Secara Online)**

- 2.1 Tidak dibenarkan beroperasi di luar kediaman/premis/rumah. Membuka meja jualan di depan kediaman/premis/rumah atau di tepi jalan adalah dilarang.
- 2.2 Makanan perlu dimasak di dalam premis makanan sahaja.
- 2.3 Penghantaran hanya dalam lingkungan 10 km dan beroperasi dari 8.00 pagi hingga 8.00 malam.
- 2.4 Tidak dibenarkan menyediakan makanan waktu bersahur (di luar waktu 8.00 pagi hingga 8.00 malam)

**-tamat-**